

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
(SOALAN NO.6, NO.9 HINGGA NO. 72 )**

15 MAC 2017

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD  
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING  
PARLIMEN MALAYSIA**



**SOALAN NO:6**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD**  
**[ KOTA RAJA ]**  
**TARIKH : 15 MAC 2017**  
**SOALAN :**

**YB Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan polisi waktu kerja dan shif/ giliran kerja untuk kakitangan hospital (dokter, jururawat).

**Tuan Yang Di-pertua,**

Untuk makluman, pada dasarnya polisi waktu bekerja dan syif bekerja bagi kakitangan hospital seperti Pegawai Perubatan dan Jururawat adalah berasaskan kepada waktu kerja biasa seperti yang termaktub dalam Perintah Am 1 Bab G. Pegawai perlu bekerja dalam tempoh lapan (8) jam dan kebiasaannya mulai jam lapan (8) pagi hingga jam lima (5) petang. Selepas jam lima (5) petang, kecuali di Jabatan Kecemasan, Pegawai Perubatan akan diarah untuk bertugas secara Atas Panggilan (*oncall*) yang berjadual di jabatan masing-masing.

Perkhidmatan secara giliran (syif) di hospital hanya dibuat bagi Pegawai Perubatan yang bertugas di Jabatan Kecemasan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan dapat diberikan dalam tempoh 24 jam.

Untuk makluman, bagi perkhidmatan kejururawatan, perkhidmatan syif dibuat sebanyak tiga (3) syif sehari. Giliran tersebut bermula jam tujuh (7) pagi sehingga dua (2) petang bagi syif pagi, syif petang bermula jam dua (2) petang sehingga sembilan (9) malam dan syif malam akan bermula jam sembilan (9) malam sehingga tujuh (7) pagi.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK KOH NAI KWONG**  
                  : **[ ALOR GAJAH ]**  
**TARIKH** : **15.3.2017 (RABU)**  
**SOALAN** : **9**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah strategi kerajaan untuk membela nasib orang asli khususnya dalam isu pemilikan tanah dan adakah ia termasuk penyemakan semula dan pengukuhan akta Orang Asli 1954.

**JAWAPAN** :

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah mengenalpasti beberapa strategi untuk membela nasib Orang Asli khususnya dalam isu pemilikan tanah. Di antara strategi yang telah diambil adalah dengan melaksanakan kerja-kerja ukur dan memanjangkan permohonan pewartaan bagi 853 penempatan Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia kepada pihak Berkuasa Kerajaan Negeri (PBN).

Bagi memastikan pewartaan dapat diselesaikan dalam tempoh yang segera, Kementerian ini komited untuk menyelesaikan kerja-kerja ukur bagi 853 perkampungan Orang Asli. Pada tahun 2017, peruntukan berjumlah RM1.477 juta telah diluluskan kepada JAKOA bagi melaksanakan kerja-kerja ukur untuk menyelesaikan baki penempatan Orang Asli yang masih belum diukur **berjumlah 132 buah kampung**. Setelah kerja-kerja ukur ini selesai, pihak JAKOA akan mengemukakan permohonan pewartaan kepada PBN. Seperti mana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa tanah adalah di bawah Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK). Kerajaan Negeri boleh mewartakan penempatan Orang Asli menggunakan Seksyen 6 atau 7, Akta Orang Asli 1954 atau di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara 1965. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian ini sentiasa mengadakan sesi rundingan agar permohonan pewartaan tanah Orang Asli dapat disegerakan.

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan sememangnya bercadang untuk membuat pindaan terhadap Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) semakan 1974. Cadangan pindaan ini bertujuan untuk menambahbaik peruntukan sedia ada bagi menjaga kepentingan masyarakat Orang Asli sejajar dengan keperluan semasa. Di antara perkara yang menjadi keutamaan dalam pindaan tersebut adalah perkara berkaitan tanah Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat juga,

Tiada mana-mana perundangan bertulis yang sedang berkuatkuasa mengiktiraf tanah adat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Menyedari tuntutan dan kepentingan tanah adat kepada masyarakat Orang Asli, Kerajaan melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) sedang menjalankan kajian sosial dan definisi Tanah Adat sebelum satu undang-undang khusus digubal mahupun pindaan terhadap Akta Orang Asli 1954 bagi mengiktiraf Tanah Adat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Kajian Tanah Adat ini juga akan turut mengambilkira konsultasi khusus dengan masyarakat Orang Asli yang meliputi tokoh masyarakat, cerdik pandai Orang Asli, pemimpin Orang Asli (Batin/Penghulu & Jawatan Kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Orang Asli), NGO, usahawan, belia dan beliawanis bagi mendapatkan pandangan akar umbi berkaitan keperluan Orang Asli masa kini berhubung tuntutan tanah Orang Asli. Hasil kajian ini adalah penting bagi memastikan bahawa pindaan Akta 134 adalah bagi menjamin hak dan kepentingan masyarakat Orang Asli terpelihara dan selari dengan kepentingan nasional secara keseluruhan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]**

**TARIKH : 15.3.2017**

**SOALAN :**

**Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab Malaysia tidak disenaraikan dalam "PISA ranking 2015" dan status laporan yang dijanjikan oleh pihak Kementerian pada tahun 2016 untuk menjelaskan kehilangan kelayakan Malaysia dalam "PISA ranking 2015".

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan antarabangsa pencapaian *Programme for International Student Assessment* (PISA) 2015 yang diterbitkan oleh pihak *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) telah menyatakan bahawa:

"Di Malaysia, pentaksiran PISA telah dilaksanakan dengan mematuhi standard operasi dan garis panduan yang ditetapkan oleh OECD. Walau bagaimanapun, kadar respon setelah diberi pemberatan dalam kalangan sekolah sampel Malaysia (51 peratus) tidak mencukupi bagi memenuhi standard kadar respon PISA pada 85 peratus. Oleh itu,



keputusan pencapaian PISA Malaysia kurang sesuai dibanding dengan keputusan negara lain mahupun dengan keputusan Malaysia daripada kitaran yang lepas". (*terjemahan*)

Penyataan ini bermaksud bahawa Malaysia telah mematuhi semua prosedur dan menepati standard teknikal yang ditetapkan oleh OECD dalam mentadbir kajian. Namun, keputusan pencapaian Malaysia kurang sesuai untuk disenaraikan atau dibandingkan dengan negara lain kerana kadar respon minimum sampel sekolah asal yang tidak mencukupi, iaitu hanya mencapai 51 peratus setelah pemberatan berbanding 85 peratus yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak OECD melalui surat bertarikh 13 Disember 2016, telah mengesahkan bahawa data Malaysia adalah sah untuk diguna dan dianalisis, cuma ia kurang sesuai untuk tujuan perbandingan pencapaian antara negara, termasuk menyenaraikan kedudukan antara negara.

RJM43

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT**  
**TARIKH : 15.3.2017**  
**SOALAN : NO. 11**

**Dr. Ismail Bin Daut [ Merbok ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah kes penyalahgunaan status pemegang ijazah doktor falsafah pada tahun 2016 dan apakah langkah yang dilakukan Kementerian bagi mengekang penyalahgunaan status pemegang ijazah doktor falsafah ini.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa menitikberatkan pematuhan kepada kod etika dalam menjalankan perkhidmatan supaya tidak bercanggah dengan nilai-nilai integriti dan urus tadbir baik yang menjadi elemen teras pengoperasian sesebuah Institusi Pendidikan Tinggi.

Pada tahun 2016, terdapat 1 kes penyalahgunaan status pemegang ijazah doktor falsafah di Universiti Awam manakala tiada kes direkodkan di peringkat Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).

Di dalam usaha mengekang penyalahgunaan status pemegang ijazah doktor falsafah ini KPT telah mengambil langkah berikut:

- (a) Membangunkan satu pangkalan data bertujuan untuk mengumpul maklumat pemegang ijazah doktor falsafah di seluruh negara. Ia membolehkan orang awam menyemak dan mengesahkan status ijazah doktor falsafah seseorang;
- (b) Bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sekiranya melibatkan penyalahgunaan melalui internet bagi menyekat mana-mana laman web yang disyaki;
- (c) Bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sekiranya kes penyalahgunaan status boleh menyebabkan kerugian ke atas mana-mana pihak; dan
- (d) Memberi kesedaran kepada masyarakat agar sentiasa berhati-hati dengan menyemak status sijil individu melalui Malaysia Qualification Agensi (MQA) sekiranya melibatkan institusi di Malaysia dan sekiranya institusi luar negara, ianya boleh disemak melalui pihak berkuasa negara berkenaan.

Dalam konteks pengurusan pendidikan tinggi swasta pula, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555], memperuntukkan bahawa tenaga pengajar IPTS perlu mendapatkan permit mengajar daripada Ketua Pendaftar sebelum dibenarkan mengajar di mana-mana IPTS.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**TARIKH : 15.3.2017**

**SOALAN :**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) jumlah warga tanpa kewarganegaraan (*stateless children*) yang sedang menuntut belajar di sekolah rendah Kerajaan dan sekolah menengah Kerajaan; dan
- (b) pendekatan Kementerian untuk memastikan golongan ini berhak untuk belajar di sekolah Kerajaan supaya masa depan mereka tidak terjejas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan proses kemasukan murid bukan warganegara ke sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan berpandukan Peraturan 5 di bawah Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat Bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998. Berdasarkan peraturan ini, sehingga kini tiada kanak-kanak tanpa warganegara bersekolah di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan.

(b) KPM juga telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan semua kanak-kanak di negara ini termasuk kanak-kanak tanpa kerakyatan mendapat pendidikan sewajarnya tanpa mengira agama, bangsa dan lokasi. Sehubungan dengan itu, KPM telah menyediakan garis panduan untuk membenarkan penubuhan dan pendaftaran pusat bimbingan alternatif atau pusat pembelajaran komuniti yang menyediakan peluang pendidikan asas kepada kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di seluruh negara. Pusat-pusat ini boleh diuruskan oleh organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar, masyarakat sivil dan pihak swasta.

RJM39

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]**

**TARIKH : 15.3.2017**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah sekolah luar bandar yang telah dinaik taraf dan berapakah jumlah sekolah baharu yang telah dibina dan akan dibina oleh Kementerian; dan
- (b) apakah perancangan dan usaha Kementerian dalam memberi kemudahan asas seperti bekalan elektrik ke sekolah-sekolah di luar bandar bagi memudahkan sesi pembelajaran dijalankan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedar akan keperluan untuk menaik taraf semua sekolah di seluruh negara. Pada tahun 2011-2015 dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), KPM telah memperuntukkan sebanyak RM12.272 bilion untuk tujuan bina baru dan naik taraf sekolah-sekolah di seluruh Malaysia yang melibatkan 3,812 projek. KPM juga telah memperuntukkan kos berjumlah RM13.897 bilion dalam RMKe-11 menerusi 898 projek bina baru dan naik taraf.

Dalam Pakej Rangsangan Khas (PRK) pula, sebanyak RM2.379 bilion diperuntukkan dari tahun 2012 hingga 2014 kepada sekolah-sekolah di seluruh negara melalui Tabung Khas Pembinaan, Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah.

- b) KPM turut prihatin terhadap keperluan asas di sekolah-sekolah di luar bandar dalam memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan baik. Sehingga kini sejumlah 369 buah sekolah di kawasan pedalaman Sarawak telah dibekalkan tenaga elektrik melalui pengoperasian sistem genset. Bagi sekolah-sekolah yang berdekatan talian grid pula, bekalan tenaga elektrik akan disambungkan secara berperingkat.

RJM38

**SOALAN NO:14**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]  
TARIKH : 15 MAC 2017  
SOALAN :**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peruntukan untuk hospital dan klinik di Malaysia dan usaha-usaha bagi memastikan perkhidmatan yang baik.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi tahun 2017, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diperuntukkan sebanyak RM1,338,188,800.00 di bawah Peruntukan Pembangunan bagi tujuan pembinaan baru, menaiktaraf dan ubahsuai fasiliti-fasiliti kesihatan demi memastikan mutu perkhidmatan sentiasa di tahap yang terbaik.



**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi tahun 2017, bajet yang diluluskan di bawah Peruntukan Mengurus untuk hospital dan klinik di Malaysia adalah berjumlah 17.43 billion ringgit. Daripada jumlah ini, peruntukan untuk hospital adalah sebanyak 14.19 billion ringgit manakala 3.24 billion ringgit diperuntukkan untuk klinik.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Sungguhpun peruntukan yang diterima oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ini terhad, KKM akan terus berusaha memastikan kualiti perkhidmatan kesihatan yang disampaikan kepada rakyat tidak terjejas selaras dengan usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan tahap kesihatan rakyat dan penjagaan kualiti kesihatan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK  
[ LUBOK ANTU ]**

**TARIKH : 15.3.2017**

**SOALAN :**

**Datuk William @ Nyallau Anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan akan membantu 210 guru interim yang gagal ditemuduga diberi pertimbangan kelonggaran untuk diserapkan menjadi guru tetap sekiranya prestasi mereka menunjukkan kecemerlangan dari segi mengajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap urusan pengambilan guru di seluruh negara bagi memastikan hanya calon yang layak, memenuhi kriteria pelantikan, dan berkualiti untuk dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Dalam kes guru interim yang gagal dalam temuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, mereka akan dilanjutkan tempoh pelantikan interim dan akan diberi peluang sekali lagi untuk menjalani proses temuduga.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG**

**TARIKH : 15.3.2017**

**SOALAN : NO. 16**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status pengangguran di Malaysia terutama bagi graduan perubatan dan graduan guru yang masih menganggur serta apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah pengangguran tersebut.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) amat peka dan sentiasa memandang serius akan isu pengangguran graduan perubatan dan perguruan.

Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan IPT yang dijalankan oleh KPT pada tahun 2016, seramai 54,105 orang graduan berstatus belum bekerja. Daripada jumlah tersebut, seramai 321 orang adalah graduan bidang perubatan dan 2,707 orang graduan bidang pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menangani isu pengangguran graduan bidang perubatan, KPT melalui Majlis Dekan Perubatan dengan kerjasama Majlis Perubatan Malaysia telah melaksanakan moratorium bagi program perubatan. Moratorium ini telah dikuatkuasakan untuk tempoh 5 tahun iaitu mulai 1 Mei 2011 sehingga 30 April 2016 dan dilanjutkan untuk 5 tahun

lagi iaitu mulai 1 Mei 2016 sehingga 30 April 2021. Moratorium ini telah menetapkan bahawa tiada program perubatan yang baharu di peringkat ijazah sarjana muda dan tiada penambahan kuota pengambilan pelajar program perubatan.

Moratorium terhadap penambahan kuota pengambilan pelajar perubatan adalah untuk memastikan pelajar perubatan dapat menjalani latihan klinikal dalam tempoh pengajian dengan optimum serta bilangan graduan yang dihasilkan adalah dapat memenuhi keperluan penawaran dan kehendak industri.

Bagi bidang perguruan pula, KPT sentiasa berusaha meningkatkan kualiti Program Pendidikan di Universiti Awam dalam menghasilkan graduan yang bertepatan dengan kehendak pasaran kerja. Justeru, selain daripada penempatan graduan ini di sekolah-sekolah Kerajaan, graduan ini turut berpeluang untuk mendapat pekerjaan di sektor swasta. Antara langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan kualiti graduan perguruan adalah dengan mengemaskini kurikulum sedia ada supaya sentiasa relevan dan dinamik dengan mengambil kira input dari pelbagai pemegang taruh supaya dapat menyediakan graduan yang holistik dan memenuhi keperluan pasaran kerja.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR  
[ KULIM BANDAR BARU ]**

**TARIKH : 15.3.2017**

**SOALAN :**

**Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baru ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memastikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dapat mencapai kejayaan yang menyeluruh terutamanya dari segi penghasilan guru yang berkualiti bagi menghasilkan sistem pengajaran dan pembelajaran dalam kelas Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) berada dalam kelas tertinggi di peringkat nasional dan global.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 memberi tumpuan utama meningkatkan kualiti guru dan pemimpin sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menempatkan pembimbing guru dan pengetua/guru besar (SISC+ dan SIPartners+) di sekolah dan memberi fokus kepada program peningkatan profesionalisme. KPM juga melaksanakan pelbagai strategi untuk memastikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), antaranya ialah:

1. memasukkan unsur KBAT sebanyak 70 peratus dalam kurikulum baharu persekolahan yang mula dilaksanakan pada tahun 2017;
2. melatih guru untuk melaksanakan KBAT dengan melibatkan 1,372 Jurulatih Utama Kebangsaan (JUK) serta 73,195 Jurulatih Negeri (JUN);
3. mengadakan latihan KBAT dan pembelajaran abad ke-21 kepada 1097 Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC+) iaitu personel yang bertanggungjawab dalam memberi sokongan, bimbingan dan pementoran kepada guru;
4. meningkatkan peratusan soalan KBAT dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM); dan
5. mengiktiraf sekolah yang membudayakan KBAT sebagai rujukan dan penanda aras melalui Penarafan KBAT.

Pada peringkat praperkhidmatan, tiga (3) Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) dijadikan sebagai Pusat Kecemerlangan Kemahiran Berfikir iaitu IPGK Ilmu Khas, IPGK Pulau Pinang dan IPGK Tun Abdul Razak. IPGK tersebut berperanan sebagai pusat latihan pembangunan profesionalisme untuk meningkatkan kompetensi dan kecemerlangan pensyarah, guru pelatih dan guru sekolah serta menyelaras aktiviti pembudayaan KBAT dan PdP abad ke-21 antara IPGK dan sekolah terpilih.